

Agenda Transformasi Najib Jamin Kedudukan Sabah Dalam Malaysia Yang Maju, Kata Ongkili

Bernama

22 Mac, 2013

KOTA MARUDU, 22 Mac (Bernama) -- Agenda transformasi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan menjamin kedudukan Sabah dalam Malaysia yang maju pada 2020, kata Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Semasa menyatakan keyakinan terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), beliau berkata GTP dan ETP telah secara langsung menangani keperluan Sabah dan Sarawak.

Bidang Keberhasilan Uama Negara (NKRA) untuk keselamatan, pendidikan, pembangunan luar bandar dan peningkatan pendapatan memberi faedah yang besar kepada rakyat Sabah dan Sarawak, kata Ongkili, yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menteri itu berkata terdapat banyak program dalam perancangan di bawah sektor ini yang akan meningkatkan lagi ekonomi Sabah dan menambah baik kehidupan rakyat, katanya kepada Bernama Jumaat.

Ongkili berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai Laporan Tahunan ETP 2012 yang dibentangkan Najib pada Selasa.

Najib berkata kebanyakan objektif rancangan transformasi kerajaan telah dicapai yang membawa kepada peningkatan dalam kualiti hidup, ekonomi berkembang dengan baik dan kedudukan kewangan negara kukuh.

Perdana Menteri juga berkata perancangan dan pelaksanaan ETP dan GTP bukan sahaja membuktikan hasrat kerajaan untuk memacu negara berdasarkan kepada konsep 1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian diutamakan, tetapi juga merupakan langkah berani yang dilaksanakan oleh mana-mana kerajaan di dunia dalam mengamalkan prinsip ketelusan dan akauntabiliti.

Ongkili berkata inisiatif ETP, terutamanya rancangan berhubung bioekonomi, ekonomi digital dan industri relevan secara langsung kepada ekonomi Sabah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936545>